

1. DEFINISI HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

- 1.1. Hutang lapuk ertinya baki amaun bayaran yang berkenaan dengan jualan barang-barang/perkhidmatan kena cukai termasuk cukai jualan/perkhidmatan (selepas ini disebut sebagai 'cukai') yang kena dibayar kepada orang itu tetapi belum dibayar kepada, dan tidak boleh didapatkan oleh orang itu.
- 1.2. Hutang ragu ertinya suatu peruntukan yang dibuat berkenaan dengan baki amaun bayaran dalam akaun orang itu selaras dengan prinsip perakaunan yang diterima umum.

2. SYARAT BAYARAN BALIK ATAS HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

- 2.1. Bayaran balik cukai diberikan kepada pemegang lesen yang telah membayar cukai tetapi tidak mendapat keseluruhan atau sebahagian bayaran daripada pelanggan sehingga hutang itu menjadi lapuk atau hutang ragu dan diambil tindakan hapuskira.
- 2.2. Bayaran balik ini hanya dibenarkan atas cukai yang telah dibayar. Apa-apa penalti berkaitan dengan cukai yang lewat dibayar tidak dibenarkan bayaran balik.
- 2.3. Bayaran balik cukai atas hutang lapuk atau hutang ragu berkuatkuasa pada 1 Januari 2003. Ini bermakna bayaran balik atas hutang lapuk atau hutang ragu dibenarkan bagi cukai yang telah dibayar pada atau selepas 1.1.2003.
- 2.4. Bayaran balik hutang lapuk bagi kes-kes cukai yang telah dibayar sebelum 1 Januari 2003 tidak dibenarkan.
- 2.5. Permohonan tuntutan bayaran balik atas hutang lapuk atau hutang ragu boleh dibuat dalam tempoh 6 tahun dari tarikh cukai dibayar.
- 2.6. Bayaran balik dibenarkan kepada orang kena cukai yang telah membayar cukai berkenaan. Ia boleh dipulangkan walaupun pemohon tidak lagi menjadi orang kena cukai seperti dalam keadaan berikut:
 - i. Orang yang telah berhenti menjadi orang kena cukai kerana telah berhenti mengilang barang bercukai/ menyediakan perkhidmatan bercukai atau masih meneruskan pengilangan/perniagaan tetapi diberi sijil pengecualian daripada pelesenan/jumlah jualan perolehan tahunannya di bawah tahap *threshold* yang ditetapkan.

- ii. Orang yang mengilang barang bercukai / menyediakan perkhidmatan bercukai tanpa lesen yang telah membayar cukai kebelakangan dan kemudiannya tidak dapat menuntut bayaran atas jualan/caj perkhidmatan yang disediakan olehnya daripada pelanggan.
- 2.7. Pemohon dikehendaki menghapuskira keseluruhan atau sebahagian cukai yang terhutang dalam buku akaun sebagai hutang lapuk atau hutang ragu.
 - 2.8. Pemohon hendaklah memperuntukkan amaun bayaran hutang lapuk atau hutang ragu tersebut dalam akaun perbelanjaan mengikut prinsip perakaunan

3. KRITERIA HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

- 3.1. Tuntutan bayaran balik boleh dipohon jika keseluruhan atau sebahagian daripada bayaran untuk jualan barang / perkhidmatan bercukai telah diperuntukkan dalam akaun sebagai hutang lapuk atau hutang ragu dan dihapus kira di dalam akaun.
- 3.2. Bayaran balik hutang lapuk atau hutang ragu boleh dibuat jika pembeli/penerima perkhidmatan itu telah:-
 - i. diisytihar bankrap di bawah Akta Bankrap 1967;
 - ii. diletakkan di bawah penerimaan;
 - iii. diarah oleh mahkamah supaya digulung atau digulung secara sukarela;
 - iv. difailkan suatu tuntutan di mahkamah oleh pemohon itu untuk mendapatkan bayaran hutang tersebut;
 - v. difailkan untuk kebangkrutan oleh pemohon di mahkamah untuk mendapatkan bayaran hutang tersebut;Atau
 - vi. tidak membayar kesemua atau mana-mana bahagian bayaran berkenaan dengan barangan/perkhidmatan bercukai selepas enam (6) bulan dari tarikh cukai itu dibayar.

4. PROSEDUR PERMOHONAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

- 4.1. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian/ Cawangan Perakaunan Hasil di negeri/stesen di mana lesen cukai perkhidmatan diluluskan.
- 4.2. Permohonan hendaklah dibuat mengikut siberhutang (pembeli/pelanggan) iaitu satu permohonan bagi satu siberhutang (kecuali untuk layanan istimewa di para 5)
- 4.3. Permohonan hendaklah dibuat dalam borang JKED No.2. Pemohon juga dikehendaki mengisi penyata tuntutan dan mengemukakannya kepada **Pengarah Kastam Negeri** bersama dokumen sokongan seperti berikut:
 - i. Salinan invoice yang dikeluarkan mengikut peruntukan Akta Cukai Jualan atau Akta Cukai Perkhidmatan,
 - ii. Borang CJP 1, penyata harian dan mana-mana dokumen seperti salinan lejar, penyata bank atau resit untuk membuktikan bahawa pemohon telah membayar cukai berkenaan.
 - iii. Rekod atau apa-apa dokumen yang menunjukkan segala tindakan yang munasabah telah diambil oleh pemohon untuk mendapatkan hutang itu.
 - iv. Tindakan munasabah yang perlu diambil dan dibuktikan adalah seperti berikut:
 - Bagi hutang cukai di bawah RM500.00, dua surat peringatan berdaftar kepada siberhutang.
 - Bagi hutang cukai antara RM500.00—RM10,000.00, notis tuntutan melalui khidmat guaman.
 - Bagi hutang cukai melebihi RM10,000.00, notis tuntutan/pernyataan tuntutan yang difailkan di mahkamah.
 - v. Rekod yang menunjukkan hutang yang tidak dapat dipungut daripada pelanggan telah dihapuskira dalam akaun pemohon sebagai hutang lapuk. Pemohon hendaklah membuat peruntukan spesifik dalam akaun hutang lapuknya berhubung hutang yang tidak diterima daripada pelanggan.
 - vi. Perakuan daripada Akauntan bertauliah bahawa hutang tersebut telah diakaunkan sebagai hutang lapuk bagi tuntutan bayaran balik yang melebihi RM10,000.00.

- vii. Perakuan daripada Akauntan Berdaftar bahawa hutang tersebut telah diakaunkan sebagai hutang lapuk bagi tuntutan bayaran balik yang kurang RM10,000.00.
- viii. Perintah mahkamah dikemukakan bagi individu yang telah diisytiharkan bankrup, syarikat yang telah diperintah mahkamah untuk digulung atau syarikat yang diletakkan di bawah penerimaan.
- ix. Dokumen resolusi dikemukakan bagi penggulangan secara effective resolution.
- x. Dokumen mahkamah dikemukakan bagi pemohon yang telah memfailkan tuntutan di mahkamah.

5. LAYANAN ISTIMEWA INDUSTRI TELEKOMUNIKASI BAGI AKAUN INDIVIDU SAHAJA.

Bagi industri telekomunikasi di mana bilangan pelanggan adalah besar tetapi amaun terhutang adalah kecil, layanan istimewa boleh dipohon kepada Ketua Pengarah Kastam. Tindakan berikut sudah memadai jika diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam, bagi maksud pembuktian usaha munasabah di para 4.3 (iv) telah diambil.

- 5.1. Hantar surat peringatan
- 5.2. Memberi peringatan melalui Pesanan Suara Interaktif [Interactive Voice Reminder (IVR)]
- 5.3. Menamatkan perkhidmatan secara sementara [Temporary Out of Service (TOS)]
- 5.4. Menghubungi melalui panggilan atau menemui pelanggan untuk mendapatkan bayaran.
- 5.5. Penamatan perkhidmatan dan penghantaran bil muktamad.

Bayaran balik cukai hanya boleh dipertimbangkan setelah tindakan di para 5.5 diambil dan hutang tersebut telah diakaunkan sebagai hutang lapuk.

Pertimbangan Ketua Pengarah Kastam akan dibuat berdasarkan samada sistem yang digunakan oleh syarikat dalam menuntut hutang lapuk boleh diterima atau sebaliknya. Kelulusan diberi adalah berdasarkan kes yang dikemukakan.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Cawangan Cukai Perkhidmatan

Pejabat Kastam	No. Telefon
Pelabuhan Kelang	03-31693888
Pulau Pinang	04-2622411/12
Seberang Perai	04-3972969
W. Persekutuan	03-7884080
KLIA Sepang	03-87768503
Johor Bahru	07-2225666
Kluang	07-722757
Muar	06-9864270
Batu Pahat	07-4355440
Kota Bharu	09-7481508
Rantau Panjang	09-7950349
Alor Setar	07-7751212
Sg. Petani	04-4210608 / 4412475
Kulim	04-4905161 / 4847136
Ipoh	05-5274322
Taiping	05-8073966
Lumut	05-6835280
Teluk Intan	05-6221055
Melaka	06-2312355
Seremban	06-6793700
Kuantan	09-5163515
Bentong	09-2221064
Temerloh	09-2964263
Kuala Terengganu	09-6204242
Kemaman	09-8591201/8281335
Perlis	04-9761420
Kota Kinabalu	088-239659/838472
Tawau	089-772580
Sandakan	089-219908/670153
Lahad	089-881531
Kuching	082-334172/334727
Miri	085-437951
Sibu	084-333422
Bintulu	086-331112
Sarikei	084-652170/652299
Limbang	085-211377



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Siri Panduan Kastam

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975
AKTA CUKAI JUALAN 1972

**GARIS PANDUAN MENGENAI
HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU
DI BAWAH
AKTA CUKAI PERKHIDMATAN
DAN AKTA CUKAI JUALAN**

KASTAM DIRAJA MALAYSIA

No. Telefon : 03-88822100

No. Fax : 03-88895869

<http://www.custom.gov.my>

Email : cd@customs.gov.my